

14 APR 2000

Khalil-Penerangan

KEMENTERIAN PENERANGAN AMBIL TINDAKAN PRO-AKTIF TERANG ISU AGAMA

KUCHING, 14 April (Bernama) -- Tindakan lebih pro-aktif dan pantas dengan menggunakan media milik kerajaan akan diambil bagi memberi gambaran sebenar pelbagai isu yang berlaku di negara ini terutama isu yang berkaitan dengan agama, kata Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata, perubahan pantas yang berlaku dalam senario politik negara memerlukan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Penerangan mencari cara terbaik untuk menyampaikan maklumat betul kepada rakyat.

"Berdasarkan pilihan raya umum lepas, kita perlu mempertingkatkan cara laporan dan memberi maklumat balas yang pantas sebelum rakyat terpengaruh dengan fakta yang kurang tepat," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Penerangan di sini hari ini.

Khalil berkata, kepantasan dalam menyebarkan maklumat disertai dengan fakta kukuh akan memberi keyakinan rakyat kepada kerajaan walaupun mereka boleh mendapatkannya melalui cara lain seperti Internet.

Beliau berkata, peranan Kementerian Penerangan mesti relevan dengan perubahan semasa supaya rakyat tidak hilang keyakinan pada kerajaan.

Dalam perkembangan lain, Khalil, yang juga Setiausaha Agung UMNO, berkata sebahagian daripada surat tawaran untuk bertanding bagi jawatan-jawatan penting UMNO sudah dihantar kepada calon-calon.

Mengulas mengenai pencalonan UMNO Bahagian Gua Musang bagi jawatan presiden, timbalan presiden dan naib-naib presiden, beliau berkata, keputusan yang diambil adalah selaras dengan cadangan Majlis Tertinggi UMNO.

UMNO Gua Musang melalui jawatankuasa bahagian itu hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi timbalan presiden.

Bahagian itu turut mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam dan Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan Naib Presiden.

-- BERNAMA

RDY AKD